PP

lwn.

ZAINAL TAHIR

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
MOHD AZMAN HUSIN PK
[PERBICARAAN JENAYAH PERAK NO: 45-19-2002]
14 OGOS 2006

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Akta Dadah Berbahaya 1952, ss. 12(2) & 39A(2)(a) - Memiliki dadah berbahaya heroin seberat 30.96 gram - Pengakuan salah - Sama ada kesalahan amat serius - Tertuduh seorang pengulanglaku jenayah - Kesalahan yang diambilkira - Zaidon Shariff v. PP - Sama ada hukuman dijatuhkan harus menjadi pencegahan - Faktor-faktor diambilkira - Sama ada hukuman sebat dikenakan - Kanun Tatacara Jenayah, s. 289(c) - Hukuman penjara 15 tahun - Sama ada hukuman berpatutan*

Tertuduh dituduh di Mahkamah Tinggi atas pertuduhan pilihan iaitu memiliki dadah berbahaya Heroin seberat 30.96 gram, satu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(a) Akta yang sama. Pertuduhan pilihan dibaca, diterang dan difahamkan kepada tertuduh. Tertuduh mengaku salah atas pertuduhan pilihan itu dan faham segala sifat akibat pengakuan. Dalam mitigasi, tertuduh memohon hukuman yang ringan. Pendakwaraya pula memohon hukuman yang berat dijatuhkan ke atas tertuduh dan mencadangkan hukuman maksima 20 tahun dikenakan ke atas tertuduh.

Diputuskan (menjatuhkan hukuman 15 tahun penjara):

(1) Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah sangat serius. Kesalahan yang melibatkan najis dadah makin menjadi-jadi meskipun usaha berterusan membanteras penyalahgunaan dadah dipertingkatkan oleh pihak berkuasa. Najis dadah yang dijumpai dalam milikan tertuduh adalah heroin, salah satu daripada najis dadah yang sangat berbahaya kepada manusia. (perenggan 12)

(2) Tertuduh adalah seorang pengulanglaku jenayah (recidivist). Namun begitu, berdasarkan kesalahan lampau tertuduh, mahkamah hanya mengambil kira kesalahan yang dilakukan 10 tahun sebelum dari kesalahan ini yang dilakukannya *(Zaidon*

A *Shariff v. PP)*. Kesalahan-kesalahan lampau yang dilakukan oleh tertuduh lebih daripada 10 tahun dari tarikh kesalahan ini tidak diambil kira. (perenggan 12)

(3) Hukuman yang dijatuhkan harus menjadi pencegahan kepada bakal-bakal pesalah. Kes ini boleh dikategorikan sebagai 'worst possible example'. Keadaan mental, fizikal, watak dan pengakuan salah tertuduh tidak menunjukkan tertuduh telah insaf. Namun begitu, faktor-faktor tersebut masih diambil kira. (perenggan 12)

(4) Berdasarkan semua faktor tersebut, mahkamah menjatuhkan hukuman 15 tahun penjara ke atas tertuduh berkuatkuasa dari tarikh beliau ditangkap. Mahkamah tidak mengenakan hukuman sebat memandangkan tertuduh berumur lebih daripada 50 tahun seperti yang diperuntukkan oleh s. 289(c) Kanun Tatacara Jenayah. Hukuman yang dikenakan adalah sangat berpatutan. (perenggan 12)

Kes-kes yang dirujuk:
Abu Bakar Alif v. R [1953] 19 MLJ 19 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Nooh Yusof & Ors [1993] 4 CLJ 275 HC ***(dirujuk)***
Zaidon Shariff v. PP [1996] 4 CLJ 441 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 289(c)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), 39A(1)(a), 39A(2)(a)

Bagi pihak tertuduh - Chee Weng Weng (En Yee bersamanya)
Bagi pihak PP - How Mei Ling TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Mohd Azman Husin PK:

[1] Dalam kes ini tertuduh dituduh di Mahkamah Tinggi Ipoh pada 29 Mei 2006 atas pertuduhan pilihan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 13.03.2001, jam lebih kurang 11.30 pagi di perkarangan rumah No. 23, Laluan Rokam 24, Pekan Razaki, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak, telah memiliki dadah berbahaya, iaitu Heroin seberat 30.96 gram, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2)(a) Akta yang sama.

[2] Pertuduhan pilihan dibaca, diterang dan difahamkan kepada tertuduh. Tertuduh mengaku salah atas pertuduhan pilihan itu dan faham segala sifat akibat pengakuan.

[3] Menurut fakta kes Pendakwa Raya seperti berikut:

[4] Pada 13 Mac 2001, jam lebih kurang 11.30 pagi, pengadu D/Sjn Busra Abd. Kadir dan sepasukan anggota polis Jabatan Narkotik IPK Polis Perak membuat rondaan di kawasan Gunung Rapat, Ipoh menaiki kereta Kancil No. AEE 4192. Semasa melalui rumah No. 23, Laluan Rokam 24, Pekan Razaki Gunung Rapat, pengadu nampak seorang lelaki Melayu iaitu tertuduh dalam keadaan mencurigakan berdiri disebelah motorsikal No. ADD 7105 memegang sebuah bungkusan cerah di tangan kanannya. Pengadu mengarahkan pemandu motokar Kancil berhenti dan beliau keluar menghampiri tertuduh sambil memperkenalkan diri sebagai anggota polis. Pada masa yang sama tertuduh mencampakkan bungkusan plastik itu ke dalam raga motorsikal ADD 7105. Pengadu mengambil bungkusan plastik dari raga motorsikal dan memeriksa kandungannya di hadapan tertuduh dan mendapati ia mengandungi:

i. satu bungkusan besar berbalut kertas akhbar Bahasa Inggeris The Star bertarikh 21 Ogos 2000 yang di dalamnya mengandungi satu paket plastik besar lutsinar berisi bahan-bahan yang disyaki heroin.

ii. satu bungkusan kecil berbalut kertas berbahasa Melayu yang didalamnya mengandungi satu ikatan getah 5 plastik lutsinar berisi bahan disyaki heroin.

iii. satu alat timbang bersama kotak alat timbang TANITA.

iv. satu bungkusan paket-paket plastik

v. sebuah telefon bimbit Ericson PF 768

vi. 2 set charger telefon bimbit.

[5] Dari badan tertuduh, pengadu menjumpai satu bag galas jenama “Converse All Star” yang di dalamnya mengandungi beg duit berisi RM80 dan sebuah telefon bimbit jenama Sagen bersarung Marlboro Classics.

[6] Tertuduh ditangkap, barang-barang tersebut disimpan dan dibawa ke Balai Polis di mana suatu laporan polis dibuat nombor laporan Kg. Rapat 826-827/01. Tertuduh dan barang-barang tersebut diserahkan kepada Pegawai Penyiasat C/Insp (W) Kamala Lydia a/p Narayansamy. Barang-barang kes yang disyaki heroin dihantar ke Jabatan Kimia Ipoh untuk dianalisa. Ahli Kimia Ipoh mengesahkan barang-barang itu adalah heroin yang beratnya 30.96 gram.

[7] Siasatan polis mengesahkan bahawa tertuduh mempunyai dan memiliki dadah berbahaya jenis heroin seberat 30.96 gram suatu kesalahan di bawah s. 12(2) yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[8] Dalam mitigasi, peguam tertuduh memohon hukuman yang ringan atas alasan:

1. Tertuduh berumur 58 tahun
2. Tertuduh adalah seorang duda
3. Tertuduh mempunyai sepasang anak iaitu seorang anak lelaki berumur 14 tahun dan seorang anak perempuan berumur 13 tahun.
4. Tertuduh mengidap penyakit darah tinggi
5. Tertuduh bercadang untuk memulakan hidupan baru iaitu balik ke Pulau Pangkor menjadi nelayan semula jika mahkamah memberi peluang. Tertuduh telah insaf.
6. Tertuduh mengaku salah. Ia menjimatkan masa mahkamah dan wang kerajaan.
7. Tertuduh direman sejak ia ditangkap 13 Mac 2001. Pohon hukuman berkuatkuasa dari tarikh ditangkap.
8. Mohon hukuman sebat dikecualikan bawah s. 289 Kanun Tatacara Jenayah kerana tertuduh berumur lebih daripada 50 tahun.

Pendakwa Raya pula memohon hukuman yang berat dijatuhkan ke atas tertuduh. Alasan-alasannya ialah:

1) Hukuman perlu bersifat pencegahan agar bakal pesalah yang lain termasuk tertuduh dapat dicegah melakukan kesalahan sebegini.

2) Berat dadah yang terlibat ialah 30.96 gram heroin iaitu 6 kali lebih berat dari berat statutory bawah s. 39A(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

3) Jenis dadah yang terlibat adalah heroin.

4) Kepentingan awam harus diambil berat.

5) Kesalahan dadah makin meningkat.

6) Pengakuan salah tidak secara automatic memberi kredit dan memberi hukuman ringan kepada tertuduh.

7) Tertuduh mempunyai 19 kesalahan lampau seperti eks. P31. 10 daripadanya adalah melibatkan kesalahan dadah.

8) Tertuduh mungkin juga seorang pembekal dadah berdasarkan kepada alat timbang yang dijumpai.

9) Pohon hukuman berat dijatuhkan ke atas tertuduh dan mencadangkan hukuman maksima 20 tahun dikenakan ke atas tertuduh.

[9] Dalam balasan, peguam tertuduh menghujahkan bahawa rekod kesalahan lama tertuduh eks. P31 yang melebihi 10 tahun tak boleh diambil kira berdasarkan kepada keputusan kes *Zaidon Shariff v. PP* [1996] 4 CLJ 441.

Kedudukan Undang-Undang

[10] Seksyen 39A(2)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 berbunyi:

> Every person found guilty of an offence against this Act where the offence is not punishable with death and where the subject matter of the offence is:
>
> (a) 5 grammes or more in weight of heroin shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with imprisonment for life or for a term which shall not be less than five years, and he shall also be punished with whipping of not less than ten strokes.

[11] Adalah tidak dipertikaikan bahawa tertuduh berumur 58 tahun. Tarikh lahir beliau adalah pada 30 November 1947. Seksyen 289(C), Kanun Tatacara Jenayah terpakai terhadap beliau. Oleh itu beliau dikecualikan dari dikenakan hukuman sebat.

[12] Faktor-faktor berikut adalah penting sebelum hukuman dijatuhkan oleh mahkamah. Antaranya:

1. Kepentingan awam seperti yang diputuskan oleh *Abu Bakar bin Alif v. R* [1953] 19 MLJ 19.
2. Faktor pencegahan kepada bakal-bakal pesalah.
3. Keseriusan kesalahan yang dilakukan.
4. Watak dan keperibadian tertuduh.
5. Pengakuan salah tertuduh.
6. Kesalahan lampau tertuduh
7. Keadaan mental dan fizikal tertuduh.
8. Fakta peningkatan kesalahan yang melibatkan najis dadah di negara kita.
9. Jenis dadah yang terlibat.

Pendapat Mahkamah

1. Kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh adalah sangat serius. Kesalahan yang melibatkan najis dadah makin menjadi-jadi meskipun usaha berterusan membanteras penyalahgunaan dadah dipertingkatkan oleh pihak berkuasa.
2. Najis dadah yang dijumpai dalam milikan tertuduh adalah heroin iaitu salah satu daripada najis dadah yang sangat berbahaya kepada manusia.
3. Tertuduh adalah seorang pengulanglaku jenayah (recidivist). Beliau sering keluar masuk dari penjara akibat kesalahan najis dadah yang dilakukan. Namun begitu berdasarkan rekod kesalahan lampau tertuduh eks. P31, mahkamah hanya mengambil kira kesalahan yang dilakukan 10 tahun sebelum dari kesalahan ini yang dilakukannya. Keputusan kes *Zaidon Shariff v. PP* [1996] 4 CLJ 441 diikuti. Kesalahan-kesalahan lampau yang dilakukan oleh tertuduh lebih daripada 10 tahun dari tarikh kesalahan ini tidak diambil kira.
4. Hukuman yang dijatuhkan harus menjadi pencegahan kepada bakal-bakal pesalah.

5. Kes ini boleh dikategorikan sebagai "worst possible example" seperti yang diputuskan oleh kes *PP v. Mohd Nooh Yusof & 2 Ors* [1993] 4 CLJ 275.

6. Keadaan mental, fizikal, watak dan pengakuan salah tertuduh, tidak menunjukkan tertuduh telah insaf. Namun begitu faktor-faktor tersebut masih diambil kira.

7. Berdasarkan semua faktor tersebut, mahkamah menjatuhkan hukuman 15 tahun penjara ke atas tertuduh berkuatkuasa dari tarikh beliau ditangkap iaitu pada 13 Mac 2001. Mahkamah tidak mengenakan hukuman sebat memandangkan tertuduh berumur lebih daripada 50 tahun seperti yang diperuntukkan oleh s. 289(c) Kanun Tatacara Jenayah. Hukuman yang dikenakan adalah sangat berpatutan.